

27/09/2003

Kekang AS salah guna kuasa veto

DUNIA boleh mengutuk pencerobohan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iraq dan begitu juga kekejaman Israel menindas penduduk Palestin, tetapi kecaman itu hanya mampu diluluskan pada perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang tidak ada kuasa pengikat. Hanya ketetapan mengecam diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB saja boleh mendatangkan kesan jika diiringi keazaman dan campur tangan ketenteraan. Malangnya di Majlis Keselamatan, kebanyakan ketetapan gagal dipersetujui atau tidak dapat dilaksanakan akibat sebuah daripada lima kuasa dunia menggunakan kuasa veto atau undi pembatal. Terbaru AS menunjukkan belangnya apabila menggunakan kuasa veto menolak ketetapan mengutuk dan mengarahkan Israel agar tidak menyingkirkan atau membunuh Yasser Arafat.

Lebih tegas lagi AS mahu pemimpin Palestin itu dihapuskan oleh tentera Yahudi. Betapa kuasa veto itu sudah disalahgunakan terutama oleh AS ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap di PBB kelmarin. Beliau mencadangkan PBB menghapuskan kuasa veto satu negara dan diganti dengan dua kuasa veto serta perlu disokong tiga lagi negara anggota Majlis Keselamatan bagi menghalang sebarang ketetapan PBB. Perdana Menteri berkata, cara itu boleh dilaksanakan pada peringkat awal penyusunan semula PBB dalam usaha mengembalikan kewibawaan badan dunia itu. Ini penting jika dunia mahu terus mengamalkan demokrasi, menegakkan undang-undang dan menghormati hak asasi manusia sedang negara yang kuat mesti membuktikan mereka menjunjung dan sedia melaksanakan semua idea itu.

Dr Mahathir selanjutnya menyarankan kuasa veto diubah suai itu pun akhirnya harus dihapuskan dengan keputusan mengenai sebarang isu menggugat dunia dibuat berdasarkan sokongan majoriti Majlis Keselamatan. Jelas bahawa sikap angkuh AS yang mahu menguasai PBB dan memaksanya mengikut telunjuk dan kehendak Washington menyebabkan badan dunia itu hilang arah dan semakin bergolak sedang ia tidak lagi mampu memberi perlindungan kepada negara miskin dan membangun. Sedang PBB tidak lagi bermaya itulah, semua agensi kelolaannya bertukar menjadi boneka negara kuasa tunggal AS saja.

Namun, segala ketegangan dan krisis besar dunia bertitik tolak daripada dasar berat sebelah AS yang menyokong Israel dalam menindas dan mengusir rakyat Palestin dari tanah air mereka. Dari 1973 hingga pembatalan ketetapan PBB terbaru, AS menggunakan kuasa vetonya hampir 30 kali bagi mematikan pelbagai bentuk kecaman dan desakan terhadap Israel dalam menangani isu Palestin. Kini Presiden George W Bush pula melumpuhkan segala usaha membantu rakyat Palestin dengan kedegilan dan kesombongannya.